

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

**Kuala Lumpur**

Hampir sebulan sekatan pergerakan penuh (SPP) dikuatkuasakan, kes harian baharu belum dapat diturunkan bawah 4 ribu untuk membolehkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) beralih ke fasa dua.

Kelmarin, 5,841 kes harian baharu lagi dilapor sementara kes kumulatif Covid-19 negara yang melepasi paras 700 ribu pada 21 Jun 2021, meningkat kepada 716,847 kes. Kes aktif dengan kebolehan Covid-19 naik sedikit kepada 61,162 kes berbanding 60,816 kes pada 23 Jun 2021.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba baru-baru ini dipetik berkata, "purata kes Covid-19 di Malaysia perlu berada di bawah 4 ribu kes sehari selama tujuh hari berturut-turut bagi membolehkan negara beralih ke fasa dua mengikut Pelan Pemulihan Negara (PPN)."

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika mengumumkan PPN yang terbahagi kepada empat fasa pada 16 Jun lepas berharap ia dapat mengembalikan kehidupan harian biasa.

SPP pula yang dikuatkuasakan bermula 1 Jun hingga 14 Jun 2021, disambung dua minggu lagi sehingga 28 Jun 2021.

Sementara itu, kluster baharu terutama kluster tempat kerja melibatkan kilang dan tapak binaan yang masih dikesan dan mencetuskan kes baharu dibimbangi boleh menggugat usaha mengawal penularan wabak Covid-19 di negara ini.

Setakat 24 Jun 2021, negara dibebani 867 kluster yang masih aktif. Secara keseluruhannya 2,720 kluster direkod dan 1,853 daripadanya tamat.

Rangkuman mingguan 19 Jun hingga 24 Jun 2021 berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekod 140 kluster baharu dan daripada jumlah itu, 85 kluster atau 60.7 peratus adalah kluster tempat kerja.

Kelmarin sahaja, 30 kluster baharu dilaporkan dan 20 daripadanya adalah kluster tempat kerja!


Antara kluster tempat kerja dikesan kelmarin dengan kes Covid-19 yang tinggi adalah kluster Industri Jalan Seruling 57 (daerah Klang, Selangor). Kluster ini hasil saringan bersasar di sebuah kilang dan 101 kes positif daripada 319 individu yang disaring.

Pada 20 Jun, KKM melaporkan kluster tempat kerja, Tapak Bina Persiaran Hamidah (daerah Hulu Langat, Selangor) melibatkan pekerja sebuah tapak binaan di Per-

**PUSAT PEMBERIAN VAKSINASI**



ORANG awam hadir di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam untuk mendapatkan suntikan vaksin Covid-19.



SEORANG petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan suntikan vaksin sempena kempen Vaksinasi Covid-19@Wilayah Prihatindi Pusat Komuniti Serlawangsa, semalam.



WARGA emas menerima suntikan vaksin AstraZeneca (AZ) ketika Program Pemberian Vaksin di Rumah Victory Elderly Home, Puchong, semalam.

harian dalam lingkungan empat ribu pada 18 Mei 2021 sebanyak 4,865 kes.

Paling tinggi kes harian baharu dilapor di Malaysia adalah pada 29 Mei 2021 iaitu 9,020 kes, iaitu sejak kes pertama dikesan di negara ini pada 25 Januari 2020.

Jumlah kes Covid-19 di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah 869 kes dan 438 kes daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Dengan 716,847 kes kumulatif, Malaysia kini di tangga 36 (rangkuman mingguan lepas tangga 38) dalam senarai 216 buah negara yang dilanda pandemik Covid-19. Di hadapan Malaysia ialah Jordan (748,685 kes) dan Jepun (789,440 kes).

Berdasarkan perincian KKM untuk 5,841 kes harian baharu Covid-19 yang dilaporkan KKM pada Khamis 24 Jun 2021, Selangor terus menyumbang kes terbanyak iaitu 2,072 kes.

Berikutan peningkatan kes di Selangor terutamanya pesakit kategori tiga dan ke atas, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) memutuskan menukar status Hospital Ampang daripada Hybrid Covid-19 kepada hospital rawatan pesakit Covid-19 sepenuhnya (Hospital Full Covid-19) berkuat kuasa semalam (23 Jun).

Di samping Hospital Ampang, sebuah lagi hospital beroperasi sebagai Hospital Full Covid-19 di Selangor ialah Hospital Sungai Buloh.

Untuk kes kematian pada Khamis 24 Jun 2021, 84 lagi kes kematian dilaporkan, menjadikan kes kumulatif kematian sebanyak 4,721 kes (0.66 peratus).

Selangor masih mencatat kes kematian tertinggi sepanjang tempoh Rangkuman Mingguan ini, seperti beri-

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19



SEORANG petugas melakukan kerja seimbun sanitasi di Kompleks Pekan Rabu, Alor Setar, semalam yang merupakan antara simbol pelancongan di Kedah yang kini ditutup sejak pelaksanaan sekatan pergerakan penuh (SPP).

EMPAT MINGGU SPP

# JANGKITAN GAGAL TURUN BAWAH 4K

**9,020**

Jumlah jangkitan harian tertinggi dicatat pada 29 Mei 2021

kut: 19 Jun (23 kes), 20 Jun (20 kes), 21 Jun (24 kes), 22 Jun (32 kes), 23 Jun (35 kes) dan 24 Jun (32 kes).

Mengenai perkembangan terkini penularan varian baru virus SARS-CoV-2, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan

Sri Dr Noor Hisham Abdullah melaporkan, antara 20 Jun 2021 dan 22 Jun 2021, sebanyak enam (6) kes dikesan dan semuanya adalah VOC (*Variant of Concern*) iaitu lima (5) kes varian Beta (B.1.351) dan satu (1) kes varian Delta (B.1.617.2).

Ini menjadikan jumlah kumulatif kes dijangkiti virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan VOI (*Variant of Interest*) sebanyak 189 kes. Daripada jumlah yang dikesan, 173 kes adalah VOC manakala 16 kes adalah VOI.

Sementara itu, Dr Noor Hisham dalam catatan di Facebook peribadinya pada 24 Jun 2021 mengumumkan kadar kebolehjangkitan Covid-19 atau Ro/Rt pada jangkakan mengikut kes seharian pada 24 Jun 2021 untuk seluruh negara kekal 0.98. Untuk rekod, Ro di bawah 1.0 ini secara konsistennya dicatat sejak 6 Jun 2021.

Negeri yang mencatat Ro/Rt tertinggi adalah Negeri Sembilan 1.08, Selangor 0.99 dan Sarawak 0.99.



PETUGAS kesihatan memberi suntikan vaksin Covid-19 kepada pekerja laut dan pekerja pelabuhan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Sektor Pengangkutan (Maritim) sempena Hari Pelaut Sedunia 2021 di Dewan Kompleks Sukan Pelabuhan Klang, semalam.

R-Naught (Ro/Rt) ialah kebolehjangkitan satu kes positif Covid-19 kepada orang lain dalam tempoh kebolehjangkitan. Sebelum ini, kadar Ro 0.5 diperlukan untuk

melandaikan lekuk jangkitan koronavirus maut ini.

Jumlah kes Covid-19 global terkini (*worldometer*) adalah 180,765,742 kes (rangkuman minggu lalu 178,276,440 kes)

dengan 3,915,962 kematian (minggu lalu 3,859,589 kematian). Jumlah pesakit sembuh seramai 165,412,926 orang (minggu lalu 162,779,900 orang). - Bernama




PETUGAS barisan hadapan melakukan ujian saringan Covid-19 terhadap penduduk selepas peningkatan kes Covid-19 di Kampung Pulau Tukang Dollah, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : COVID-19



## 5,812 kes baharu, 82 kematian

**Kuala Lumpur:** Kes baharu Covid-19 mencatatkan 5,812 kes di seluruh negara semalam, dengan membabitkan 82 kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka terkini itu menjadikan jumlah kumulatif setakat ini sebanyak 722,659 kes.

"Selangor kekal mencatat kes harian tertinggi dengan 2,187 kes diikuti Kuala Lumpur (771), Sarawak (673), Negeri Sembilan (658), Pulau Pinang (270) dan Melaka (223).

"Negeri lain mencatatkan kurang 200 kes baharu iaitu Johor (196), Kedah (186), Sabah (156), Pahang (139), Labuan (123), Kelantan (98), Perak (72), Terengganu (46)

dan Putrajaya (14), manakala tiada kes baharu direkodkan di Perlis, hari ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 6,775 kes sembuh turut dilaporkan menjadikan jumlah kes sembuh keseluruhan adalah sebanyak 657,739.

"KKM turut merekodkan 870 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) di mana 433 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 82 kes kematian pada hari ini (semalam), 31 kes di Selangor, 18 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, lapan kes di Johor, lima kes di Negeri Sembilan dan empat kes di Sarawak.

"Turut dilaporkan menca-

takan kematian adalah Wilayah Persekutuan Labuan, Pahang dan Kedah dengan masing-masing tiga kes, dua kes di Pulau Pinang dan Kelantan serta masing-masing satu kes di Sabah, Perak, dan Melaka," katanya.

Menurutnya, 21 kluster baharu juga dilaporkan pada di mana 18 daripadanya adalah kluster di tempat kerja.

"Sehingga kini, terdapat 873 kluster masih dilaporkan aktif dan 1,868 kluster sudah tamat.

"KKM menasihati orang ramai termasuk individu yang sudah menerima vaksin Covid-19 agar terus mematuhi saranan serta nasehat kesihatan yang sering ditekankan," katanya.



**PENGERUSI** Persatuan Penduduk Bukit Setiawangsa (PPBS) Ahmad Shukri Abdul Shukur (kiri) bersama sebahagian penduduk Bukit Setiawangsa membawa pek makanan yang dimasak oleh mereka untuk diagihkan kepada golongan asnaf dan penduduk PPR di kawasan Bukit Setiawangsa pada Program Dapur Amal Charity Kitchen. Menurut Ahmad Shukri Abdul Shukur, pada setiap hari sebanyak kira-kira 100 pek makanan akan disediakan dengan pelbagai jenis masakan bertalian yang dihantar kepada 20 keluarga sasaran di kawasan itu.



PETUGAS kesihatan, Nor Azean P Mastar dan Siti Norashikin Zakaria membuat persediaan memberikan suntikan vaksin kepada seorang warga emas, Ismail Saleh, 73, di Felda Palong Satu, Jempol. Gambar: NSTP/AZRU'LDHAM MOHD AMIN/STUDIOS

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : COVID-19

## 6,823,104 dos vaksin sudah diberikan

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 6,823,104 dos vaksin diberikan di negara ini setakat kelmarin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick), kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba, semalam.

Dr Adham menerusi perkongsian di Twitter berkata, jumlah penerima dos pertama ialah 4,924,334 orang dan daripada jumlah itu, 1,898,770 orang menerima dos kedua, sekali gus melengkapkan vaksinasi mereka.

Sementara itu, lima negeri yang mencatatkan penerimaan kedua-dua dos tertinggi ialah Selangor dengan 251,260 orang, diikuti Johor (199,873), Sarawak

(195,607), Perak (173,389) dan Kuala Lumpur (163,987).

Mengenai vaksinasi sebanyak 268,604 dos diberikan kelmarin berbanding 252,773 dos pada hari sebelumnya.

Menurut Dr Adham daripada jumlah itu, 175,201 merupakan penerima dos pertama manakala 93,403 adalah dos kedua.



TOK Bain Apen anak Siang 70 dari Kampung Orang Asli Bukit Patus menerima suntikan pertama vaksin Covid-19, semalam.

## 15,327 pendaftaran vaksin dibuat di PIK

**Kuala Lumpur:** Jumlah individu yang mendapatkan khidmat bantuan bagi pendaftaran vaksin Covid-19 di 873 Pusat Internet Komuniti (PIK) seluruh negara mencatat rekod seramai 15,327 orang setakat 20 Jun lepas.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam satu kenyataan semalam memaklumkan ia adalah hasil inisiatif agensi itu dalam meningkatkan tahap kesedaran dan menggalakan pendaftaran vaksin menerusi

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick).

"Inisiatif yang dilaksanakan SKMM secara berterusan ini dilihat memberi impak positif kepada rakyat Malaysia dalam menyebarkan mesej pendaftaran dan kepentingan mendapatkan vaksin.

"Untuk itu, SKMM akan berterusan mengadakan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak bagi menggerakkan Pick menerusi he-  
bahan media massa bagi memupuk kesedaran orang ramai tentang kepentingan ngan vak-

sin," menurut kenyataan itu.

SKMM memaklumkan PIK digerakkan bagi membantu orang awam terutama warga emas yang menghadapi kesukaran mendaftar sebagai penerima vaksin Covid-19 melalui aplikasi MySejahtera serta tidak mempunyai liputan internet memuasskan.

Selain itu, sebanyak 71,871 Pesanan Khidmat Awam atau hebahan disiarkan pihak penyiaran televisyen, radio swasta, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) kepada orang awam sepanjang Mac sehingga Mei lepas.

**PIK digerakkan bagi membantu orang awam terutama warga emas**

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# 'Makan durian tak bahaya'

Makan raja buah sebelum atau selepas ambil vaksin tiada kesan sampingan

Oleh NORMAWATI ADNAN

TAPAH

**M**akan durian tidak memberi sebarang kesan terhadap individu sama ada sebelum atau selepas pengambilan suntikan vaksin Covid-19, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

Menurutnya, tiada lagi termaktub dalam mana-mana buku perubatan berhubung larangan memakan raja buah itu selepas menerima suntikan.

"Jika ada yang mengatakan tidak boleh makan durian disebabkan vaksin, itu tidak betul.

"Yang betulnya kita ini tidak boleh makan banyak atau makan benda yang terlalu manis kerana itu yang akan memberi masalah kepada kesihatan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Merdeka Tapah di sini pada Jumaat.

Beliau berkata demikian bagi mengulas dakwaan tular di media sosial berkaitan kejadian seorang individu yang telah divaksin meninggal dunia selepas makan durian.



Noor Azmi (kanan) menyantuni seorang warga emas, Bunga Zakaria, 60, dari Taman Sri Gemilang, Jalan Chenderiang Lama yang menerima suntikan dos kedua di PPV Dewan Merdeka Tapah.

Noor Azmi berkata, kematian individu berusia 49 tahun itu telah disahkan akibat serangan jantung dan bukannya akibat makan durian.

Bagaimanapun katanya, kesan tular itu secara tidak langsung telah menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat sekali gus menimbulkan suasana bahaya kepada orang lain.

"Sekarang musim durian tetapi disebabkan perkara ini, orang jadi takut nak makan durian.

"Mana yang sepatutnya dapat giliran cucuk (suntikan) pula, takut nak pergi ambil suntikan sebab dia nak makan durian.

"Seeloknya benda-benda kontroversi yang kita sendiri tidak pasti,

biarlah kerajaan dan Kementerian Kesihatan yang jawab secara saintifik serta berasaskan data," kata beliau.

Sebelum ini tular di laman sosial apabila orang ramai menerima mesej kononnya seorang individu yang telah divaksinasi meninggal dunia selepas makan durian.

"Beritahu keluarga dan rakan-rakan supaya jangan makan durian sebelum atau selepas vaksinasi. Rakan saya di kebun diberi vaksin dan kembali makan durian pada keesokan harinya meninggal dunia.

"Lebih baik mengetahui dan berhati-hati. Hidup itu berharga, kerana suatu saat kejahilan akan membunuhnya, menyedihkan," kata mesej tular itu.

## Sindiket jual vaksin: Kes pertama dilaporkan

TAPAH - Sindiket penipuan penjualan vaksin membabitkan tiga jurujual syarikat swasta pada Rabu lalu adalah kes pertama dilaporkan setakat ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, daripada semakan dibuat, belum ada mana-mana laporan membabitkan penjualan vaksin diterima sebelum ini.

"Kita tak pernah dengar lagi kes sebegini, bagaimana pun saya percaya polis akan jalankan siasatan.

"Kita sedang menantikan siasatan itu sebelum tindakan lanjut dilakukan," katanya.

Beliau menegaskan perbuatan menjual vaksin adalah satu kesalahan kerana pemberian suntikan vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan adalah percuma, dibeli dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Justeru katanya, pengambilan suntikan terbabit di mana-mana fasiliti kesihatan awam mahupun swasta tidak boleh dikenakan sebarang bayaran.

"Di mana pun kita ambil suntikan vaksin yang di luar (premis) kerajaan contohnya klinik, hospital swasta dan sebagainya ia tidak boleh dikenakan bayaran. Ini adalah seruan dan sah kepada semua," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, tiga individu termasuk dua wanita ditahan dalam tangkapan berasingan di Putrajaya dan Brickfields kerana disyaki terbabit dalam sindiket penjualan vaksin Covid-19.

Tangkapan terhadap ketiga-tiga suspek warga tempatan berusia 25 hingga 50 tahun itu susulan laporan polis oleh seorang Pegawai Penyelidik di Badan Bertindak Covid-19 Kebangsaan (CITF) yang mendapat maklumat mengenai aktiviti penjualan vaksin.

Modus operandi yang digunakan sindiket itu adalah dengan menghubungi orang awam melalui telefon secara rawak sebelum menawarkan suntikan vaksin Covid-19 dengan bayaran RM420 bagi dua dos.

MEDEPANI KRISIS  
**COVID-19:**  
**APA TINDAKAN**  
**KITA?**

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 10**  
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

# PKPD di KL, Sabah

2 lokaliti di Kuala Lumpur bermula Sabtu, 4 lokaliti di Sabah mulai Ahad

Oleh **MOHAMMAD KHAILIL ASHRAF MOHD KHALID**

**SHAH ALAM**

**MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?**

**K**erajaan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokaliti di Kuala Lumpur dan Sabah. Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, PKPD yang dilaksanakan di Kuala Lumpur membabitkan dua lokaliti iaitu Kampung Segambut Dalam, Segambut dan Jalan Kubur, Pantai Dalam bermula Sabtu hingga 9 Julai ini.

Sementara itu di Sabah katanya, PKPD membabitkan dua lokaliti di Tawau dan dua lokaliti di Sandakan yang akan

berkuatkuasa pada Ahad sehingga 10 Julai.

Beliau berkata, PKPD di dua lokaliti di Tawau ialah Kampung Pukat Tanjung Batu Lant dan Kampung Baru Pasir Putih.

Tambahnya, PKPD di dua lokaliti di Sandakan pula melibatkan Lorong 12, 15 dan 16, Taman Fajar dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Murni.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan juga bersetuju menamatkan PKPD di beberapa lokaliti membabit-



ISMAIL SABRI

kan Terengganu, Kedah dan Sabah.

Ismail Sabri berkata, penamatan PKPD di Terengganu membabitkan Mukim Bukit Besar dan Mukim Serada, Kuala Terengganu pada Sabtu.

Beliau berkata, di Kedah, PKPD yang ditamatkan di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok pada Sabtu.

Tambah Ismail Sabri, untuk di Sabah, penamatan PKPD membabitkan lokaliti di Penampang, Tawau, Kota Kinabalu, Kunak dan Tuaran.

## Kekal lebih 5,000 kes



**KUALA LUMPUR** - Kes baharu Covid-19 di negara ini bagi tempoh 24 jam merekodkan sebanyak 5,812 kes, kekal melebihi angka 5,000 untuk tiga hari berturut-turut.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan kes wabak Covid-19 di Malaysia kini 722,659 kes.

Menerusi perkongsian di laman Twitter pada Jumaat, beliau berkata, Selangor kekal merekodkan kes harian tertinggi dengan 2,187 kes, diikuti Kuala Lumpur (771), Sarawak (673), Negeri Sembilan (658), Pulau Pinang (270) dan Melaka dengan 223 kes.

"Johor pula merekodkan 196 kes, selain Kedah (186), Sabah (156), Pahang (139), Labuan (123), Kelantan (98), Perak (72), Terengganu (46) dan Putrajaya (14), manakala Perlis sifar kes," katanya. - Bernama

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN:	722,659	PULIH:	657,739	ICU:	870
KEMATIAN:	4,803	KES BAHARU:	+5,812	SUDAH DITAWASUKAN:	6,823,104

KES BAHARU DALAM SEMINGGU	
25 Jun	5,812 kes
24 Jun	5,841 kes
23 Jun	5,244 kes
22 Jun	4,743 kes
21 Jun	4,611 kes
20 Jun	5,283 kes
19 Jun	6,011 kes

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 716,847 kes kepada 722,659 kes

